

Headline	UniKL jadi universiti terbaik Asia 2018		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	23	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	277 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	MYR 5,475
Frequency	Daily	PR Value	MYR 16,424



# UniKL jadi universiti terbaik Asia 2018

KUALA LUMPUR 25 Feb. - Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang dimiliki sepenuhnya Majlis Amanah Rakyat (Mara) menyasarkan untuk mencapai kedudukan terbaik dalam kelompok universiti terbaik Asia dalam tempoh lima tahun ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif UniKL, Prof. Dr. Mazliham Mohd. Su'ud yakin sasaran itu mampu dicapai melalui amalan sistem pembelajaran yang berasaskan 'hands on' yang dilaksanakan di universiti berkenaan.

UniKL yang sudah berusia 10 tahun itu menawarkan pelbagai program kejuruteraan teknologi, selain teknologi maklumat dan multimedia, perniagaan dan sains politik.

Menurut beliau, uniknya di UniKL para penuntut bukan sahaja

didedahkan dengan pembelajaran di dalam bilik kuliah tetapi turut menawarkan pembelajaran dalam kilang yang disediakan oleh universiti itu.

"Ini untuk memastikan para penuntut universiti berkenaan terdedah dengan teknik, teknologi dan amalan industri sebenar.

"Teknik pembelajaran ini sama seperti seorang doktor yang perlu menjalani pembelajaran di hospital. Pengalaman yang sama kami terap di UniKL," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mazliham menambah, sistem pembelajaran yang pertama seumpamanya dipraktikkan di UniKL adalah hasil kombinasi sistem pembelajaran di Perancis, Jerman, Sepanyol, United Kingdom, Australia,

Amerika Syarikat dan Rusia tetapi diubahsuai mengikut sistem pembelajaran di sini.

Menurut beliau, sistem pembelajaran seumpama itu bertujuan memastikan para graduan UniKL mampu menikmati gaji yang besar sebaik sahaja mendapat pekerjaan.

"Graduan UniKL yang mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam kimpalan mampu memperoleh gaji sebanyak RM8,000 hingga RM9,000 sebulan. Malah, ada graduan mekatronik keluaran UniKL dibayar gaji sebanyak RM60,000 sebulan.

"Kejayaan ini menunjukkan bahawa pendidikan bidang teknik dan vokasional bukan bertaraf kelas kedua kerana peluang untuk berjaya, mendapat kerjaya yang baik serta gaji yang tinggi milik semua orang," katanya.



PROF. Dr. Mazliham Mohd. Su'ud berbual mesra bersama pelajar-pelajar di Bangunan UniKL Kuala Lumpur, semalam.